



Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Pelajar Semester Satu Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Melalui Kursus Pengajian Malaysia

**RINA FAKHIZAN BINTI MOHD SUKRI, WAHIDAH BINTI MAT SAID & SAIFUL NIZAM
BIN MUKHTAR**

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan

ABSTRACT

Semangat Patriotisme amat penting dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Semangat Patriotisme di kalangan rakyat adalah penting untuk memupuk dan mengekalkan semangat cinta akan negara di kalangan rakyat, pasti negara akan terus aman dan damai. Semangat Patriotisme juga dapat memupuk perpaduan kaum serta menjadi contoh kepada generasi muda. Generasi muda khususnya yang lahir selepas merdeka kurang memahami kepentingan semangat patriotisme. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 telah mewajibkan subjek Pengajian Malaysia di semua politeknik bagi pelajar semester satu. Ini adalah salah satu cara inisiatif kerajaan untuk memberi kesedaran dan kefahaman akan kepentingan sejarah Malaysia bagi generasi muda. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar tentang kepentingan semangat patriotisme. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik ke atas 150 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester satu Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan Sistem Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0. Semua keputusan yang diperolehi di terangkan dalam bentuk jadual. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar mengetahui tentang semangat patriotisme dan juga bersetuju bahawa subjek Pengajian Malaysia membantu mereka untuk mengetahui dan memahami tentang kepentingan semangat patriotisme kepada generasi muda.

Kata kunci: Semangat Patriotisme, perpaduan kaum, Pengajian

PENGENALAN

Semangat patriotisme merujuk kepada perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Sejak dahulu lagi, pihak kerajaan dan pihak sekolah telah menjalankan pelbagai langkah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan belia kerana ia sangat penting kepada generasi muda kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara. Bak kata pepatah “Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara”.

Semangat patriotisme perlu wujud dalam setiap diri pelajar samada sekolah rendah, sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Sebagaimana kata-kata Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed agar golongan belia memelihara dan mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh kuasa asing untuk sekian kalinya. Oleh yang demikian, pemimpin negara telah memikirkan dan memperkenalkan beberapa perkara yang perlu ada dalam diri setiap rakyat bagi memastikan semangat patriotisme dalam siri. Antaranya ialah kerajaan memperkenalkan Prinsip Rukun Negara yang telah digubal sebagai falsafah, etika dan ideologi agar membentuk rakyat Malaysia yang cintakan tanah air (Mohd Ayop Abd Razid 2010). Selain itu, lagu dan bendera kebangsaan menjadi lambang kedaulatan dan kebanggaan sesebuah negara. Lambang ini memaparkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan bebas daripada belenggu kuasa asing. Bak kata pepatah, “Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari”. Sesungguhnya pemupukan semangat cinta akan negara haruslah wujud dalam setiap diri pelajar. Dengan itu barulah maruah negara akan gah di seantero dunia.

PERYATAAN MASALAH

Patriotisme berasal dari perkataan Greek yang bermaksud tanah air. Ia merupakan prinsip politik yang mengandungi kecintaan terhadap tanah air, kebanggaan emosional terhadap sejarah negara dan ketersediaan diri untuk membela kepentingan bangsa.



Secara ringkasnya, semangat patriotisme dapatlah ditakrifkan sebagai wujud rasa cinta dan sayings terhadap tanah air sendiri dan sanggup untuk mempertahankannya tanpa ada perasaan cuba untuk memburukkan bangsa lain (Ismail Hussein 1989).

Namun, ramai generasi muda kurang mempunyai semangat patriotisme dalam diri mereka. Perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan kerana mereka tidak perlu bersusah payah untuk membebaskan negara dari cengkaman penjajah seperti yang dibuat oleh Tok Janggut, Datuk Bahaman, Tok Gajah dan lain-lain. Mereka dilahirkan dengan kesenangan hidup dan kemewahan hidup. Oleh itu, dilihat semangat patriotisme dalam diri generasi muda terutama pelajar-pelajar semakin terhakis. Memandangkan semangat patriotisme merupakan agenda penting dalam menjaga keamanan negara, justeru usaha kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sangat penting untuk menyuburkan semula semangat patriotisme dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, inisiatif mewajibkan pengajaran subjek Pengajian Malaysia di Politeknik Malaysia diperkenalkan dan dimulakan pada tahun 2014. Subjek ini merupakan subjek yang diwajibkan untuk pelajar semester satu di Politeknik Malaysia. Penawaran subjek ini diwajibkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman akan kepentingan sejarah Malaysia dalam memainkan peranan pembentukan dan semaian semangat budaya bangsa. Subjek Pengajian Malaysia dilihat dan dianggap sebagai subjek yang sangat penting dalam menyemai semangat patriotisme.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar tentang kepentingan konsep semangat patriotisme.
2. Mengetahui tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui kursus Pengajian Malaysia terhadap semangat patriotisme.
3. Menganalisis impak tahap kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap semangat patriotisme melalui kursus Pengajian Malaysia.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan hanya ke atas semua pelajar semester satu bagi sesi Disember 2018 sahaja.

KAJIAN KEPERPUSTAKAAN

Menurut Anderson (1992), konsep patriotisme dan nasionalisme walaupun pada dasarnya merupakan perasaan cinta akan negara dan salin berkait rapat antara satu sama lain, namun terdapat sedikit perbezaan di antara keduanya. Nasionalisme digambarkan dengan ungkapan *my country, right or wrong* (negaraku sama ada betul atau salah). Syed Ahmad (2004) menjelaskan nasionalisme merupakan perasaan dan sikap berkaitan dengan identity bersama sesuatu kumpulan yang berlainan dan terpisah dari kumpulan-kumpulan yang lain. Manakala patriotisme pula ialah *a love of country that does not necessarily imply hostility to another nation*.

Ungku Aziz (2005), mengatakan bahawa semangat patriotisme bukanlah dengan hanya mengibarkan jalur gemilang kerana jalur gemilang hanyalah simbolik semata-mata, tidak membuang sampah merata-rata juga boleh ditakrifkan sebagai patriotisme yang mana kita sayangkan negara kita. Manakala menurut Celester & Torney (2002) menjelaskan bahawa perasaan sayang akan membuatkan remaja kurang melakukan perkara yang melanggar undang-undang. Mereka menyatakan "*The more one trust the government, the less likely he is to have a strong threat perception of other nations and to believe that the nation must reign in the influence of other nations*". Abdul Rahim (1999) menjelaskan patriotisme akan mencorakkan daya ketahanan dan keiltizaman yang tinggi bagi membolehkan seseorang bertindak dengan berani dan cekal untuk mendaulatkan bangsa dan negara.

Pada tahun 2012 Mohd Yusof Othman telah membuat kajian berkaitan tahap jati diri pelajar di Universiti Awam (UA) Malaysia di sekitar Lembah Klang. Hasil kajian mendapati hanya 54.6% responden mempunyai tahap jati diri yang tinggi. Lain pula dengan Siti Norayu & Junainor et al., (2014) yang telah membuat kajian di Universiti Malaysia Perlis mengenai tahap kesedaran dan kefahaman pelajar tentang konsep Rukun Negara. Kajian ini mencapai peratusan sebanyak 89.5% terhadap 200 responden pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ia merupakan persamaan konotasi definisi jati diri.



METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang digunakan ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif. Menurut Majid (2005) penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk meneroka sesuatu bidang yang belum atau kurang diterokai. Ia juga bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini dilaksanakan untuk tujuan mengetahui pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap semangat patriotism melalui kursus Pengajian Malaysia. Kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dengan penggunaan teknik soal selidik digunakan untuk mengutip data bagi menerangkan kewujudan yang berlaku mengenai sesuatu pembolehubah.

Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini adalah pelajar semester 1 sesi Disember 2018 Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan. Responden dalam kajian ini dipilih secara rawak seramai 142 orang daripada 230 orang responden.

Instrumen Kajian


Instrumen soal selidik digunakan untuk mengukur kefahaman pelajar dalam menghayati semangat patriotism melalui kursus Pengajian Malaysia di politeknik. Soal selidik ini mengandungi beberapa soalan dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A soal selidik mengenai latar belakang responden. Bahagian B mengenai maklumat tentang kepentingan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep semangat patriotism dan bahagian C mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui kursus Pengajian Malaysia terhadap semangat patriotism. Dalam bahagian B dan C soal selidik dibina dengan menggunakan skala likert empat peringkat dengan nilai 1 sangat tidak setuju, 2 mewakili tidak setuju, 3 mewakili setuju dan 5 mewakili sangat setuju.

Analisis Kajian

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan menggunakan Program Statistical Package for The Social Science versi 17.0. Proses penganalisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan peratus dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan berkisar tentang hasil-hasil kajian yang telah dianalisis. Analisis data dilakukan secara deskriptif yang menunjukkan min dan peratusan untuk mengenal pasti tahap kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap semangat patriotisme melalui kursus Pengajian Malaysia.



Jadual 1: Demografi Responden

Kategori	Bil	Peratusan
Jantina		
Lelaki	69	48.6
Perempuan	72	99.3
Missing	1	.7
Jumlah	142	100.0
Jabatan		
JKE	12	8.5
JKA	37	26.1
JKM	22	15.5
JP	71	50.0
Jumlah	142	100.0
Bangsa		
Melayu	131	92.3
India	11	7.7
Jumlah	142	100.00
Tempat Tinggal		
Bandar	88	62.0
Luar Bandar	39	27.5
Pinggir Bandar	14	9.9
Missing	1	.7
Jumlah	142	100.0


Jadual 1 memaparkan demografi peserta kajian yang melibatkan seramai 142 orang peserta kajian yang terdiri daripada pelajar semester 1 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Berdasarkan jadual di atas, satu rumusan dapat dibuat:

- a) Seramai 69 orang (48.6%) pelajar lelaki dan 72 orang (99.3%) pelajar perempuan yang terlibat sebagai peserta kajian.
- b) Peserta kajian adalah daripada pelbagai bidang yang meliputi 4 jabatan di POLISAS iaitu seramai 12 orang (8.5%) Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 37 orang (26.1%) Jabatan Kejuruteraan Awam, 22 orang (15.5%) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 71 orang (50.0%) daripada Jabatan Perdangangan.
- c) Penglibatan peserta kajian seramai 131 orang (92.3%) berbangsa Melayu dan 11 orang (7.7%) berbangsa India.
- d) Majoriti peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah berasal dari kawasan bandar iaitu seramai 88 orang (62.0%), luar bandar 39 orang (27.5%) dan Pinggir bandar 14 orang (9.9%).

Kepentingan Pemahaman Dan Penghayatan Pelajar Tentang Konsep Semangat Patriotisme

Jadual 2: Kepentingan Pemahaman dan Penghayatan Pelajar terhadap Konsep Semangat Patriotisme

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Setuju Sangat Setuju	
	Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya mengetahui dan memahami maksud patriotisme	2(1.4%)	2(1.4%)	95(66.9%)	43(30.3%)
Saya menghayati tentang semangat patriotisme secara positif	2(1.4%)	4(2.8%)	89(62.7%)	47(33.1%)



Saya mengetahui dan memahami bahawa semangat patriotisme dapat memupuk perpaduan rakyat	1(.7%)	1(.7%)	60(42.3%)	80(56.3%)
Saya mengetahui dan memahami bahawa semangat patriotisme dapat memperkukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia	1(.7%)	3(2.1%)	60(42.3%)	77(54.2%)
Saya mengetahui bahawa Semangat patriotisme dapat Mewujudkan sikap liberal Terhadap kebudayaan yang berbeza	2(1.4%)	5(3.5%)	86(60.6%)	49(34.5%)

Jadual 2 membincangkan analisis data terhadap kepentingan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep semangat patriotisme. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan sangat memuaskan. Hasil perincian analisis data mendapati peserta kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “saya mengetahui dan memahami maksud patriotisme”. Hal ini dapat dilihat melalui peratusan setuju sebanyak 66.9% diikuti sangat setuju 30.3% dan tidak setuju serta sangat tidak setuju masing mewakili 1.4%. Bagi pernyataan yang kedua “saya mengetahui dan memahami bahawa semangat patriotisme dapat memupuk perpaduan rakyat” juga peserta kajian bersetuju dengan peratusan sebanyak 62.7% diikuti oleh setuju 33.1% dan tidak setuju serta sangat tidak setuju sebanyak .7%. Seterusnya bagi pernyataan “saya mengetahui dan memahami bahawa semangat patriotisme dapat memupuk perpaduan rakyat” peserta kajian sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan sebanyak 5.3%, diikuti oleh setuju sebanyak 42.3% dan .7% bagi tidak setuju serta sangat tidak setuju. Bagi pernyataan “saya mengetahui dan memahami bahawa semangat patriotisme dapat memperkukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia peserta kajian sangat bersetuju dengan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 54.2%, diikuti oleh setuju 42.3%, tidak setuju 2.1% dan .7% bagi peserta kajian yang sangat tidak bersetuju. Manakala bagi pernyataan yang terakhir “saya mengetahui bahawa semangat patriotisme dapat mewujudkan sikap liberal terhadap kebudayaan yang berbeza menunjukkan peserta kajian bersetuju pada tahap tinggi dengan 60.6%, diikuti sangat bersetuju sebanyak 34.5%, 3.5% bagi yang tidak setuju dan 1.4% bagi yang sangat tidak bersetuju.

Rumusan yang dapat dibuat tentang Kepentingan Pemahaman dan Penghayatan Pelajar terhadap Konsep Semangat Patriotisme menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Selain itu, kecenderungan peserta kajian untuk memahami bahawa pentingnya semangat patriotisme dalam diri juga tinggi berdasarkan pengetahuan yang ada pada diri mereka.

Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Kursus Pengajian Malaysia Terhadap Semangat Patriotisme

Jadual 3: Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran melalui Kursus Pengajian Malaysia terhadap Semangat Patriotisme.

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Perbincangan di dalam kelas Dapat membantu saya Meningkatkan kefahaman Terhadap semangat patriotisme	1(.7%)	9(6.3%)	76(53.5%)	56(39.4%)



Tugas Pengajian Malaysia menekankan tentang kepentingan semangat patriotisme	2(1.4%)	14(9.9%)	79(55.6%)	47(33.1%)
Kursus Pengajian Malaysia menekankan tentang kepentingan semangat patriotisme	1(.7%)	8(5.6%)	73(51.4%)	60(42.3%)
Kursus Pengajian Malaysia dapat membantu saya menghayati semangat patriotisme	1(.7%)	6(4.2%)	79(55.6%)	56(39.4%)
Kursus Pengajian Malaysia dapat memupuk minat saya untuk memahami dan menghayati semangat patriotisme	1(.7%)	9(6.3%)	74(52.1%)	58(40.8%)

Jadual 3 membincangkan analisis tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui Kursus Pengajian Malaysia terhadap Semangat Patriotisme. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan. Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama “perbincangan di dalam kelas dapat membantu saya meningkatkan kefahaman terhadap semangat patriotisme” dengan peratusan bersetuju sebanyak 53.5%, diikuti dengan sangat setuju 39.4%, tidak setuju 6.3% dan sangat tidak setuju sebanyak .7%. Bagi pernyataan seterusnya “tugas Pengajian Malaysia menekankan tentang kepentingan semangat patriotisme” peserta kajian juga bersetuju dengan 55.6%, diikuti oleh sangat setuju 33.1%, 9.9% tidak bersetuju dan 1.4% bagi peserta kajian yang sangat tidak bersetuju. Peserta kajian bersetuju dengan pernyataan yang ketiga iaitu “kursus Pengajian Malaysia menekankan tentang kepentingan semangat patriotisme” dengan peratusan sebanyak 51.4%, diikuti oleh sangat setuju 42.3%, tidak setuju 5.6% dan sangat tidak setuju .7%. Pernyataan “kursus Pengajian Malaysia dapat membantu saya menghayati semangat patriotisme” menunjukkan peserta kajian bersetuju sangat tinggi dengan 55.6%, diikuti oleh 39.4%, tidak setuju 4.2% dan .7 sangat tidak setuju. Dan bagi pernyataan yang terakhir “kursus Pengajian Malaysia dapat memupuk minat saya untuk memahami dan menghayati semangat patriotisme” peserta kajian juga bersetuju dengan 52.1%, diikuti dengan sangat setuju 40.8%, 6.3% bagi tidak setuju dan .7 bagi sangat tidak setuju.

Berdasarkan data yang di analisis menunjukkan peserta kajian bersetuju bahawa kursus Pengajian Malaysia yang ditawarkan kepada pelajar semester satu di politeknik boleh memberi kefahaman dan penghayatan yang sebenar tentang konsep semangat patriotisme.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, dapatan dari kajian ini menunjukkan persepsi, penerimaan dan kesediaan yang tinggi dalam kalangan 200 orang peserta kajian yang mengajar di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Bandar dan di luar Bandar di negeri Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Negeri Sembilan. Didapati peserta kajian mengakui bahawa penguasaan kepada ilmu-ilmu lain melalui kaedah penyerapan ilmu dan nilai adalah penting. Dalam hal ini juga, peserta kajian bersetuju bahawa penyatupaduan Nasional berkait rapat dengan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Berdasarkan, penerimaan dan jawapan positif dari peserta kajian akan mewujudkan keperluan untuk penyerapan elemen falsafah bahasa dalam PdPc bahasa Melayu pada masa akan datang.



RUJUKAN

- Abdul Rahim Abd. Rashid, (1999). *Belia Ketandusan Semangat Perjuangan*, Kuala Lumpur: Dewan Budaya.
- Anderson, B, (1992). *Imagined communities: Relection on the origin and spread of nasionalisme*. New York: Routledge.
- Mohd Majid Konting, (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Ed. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman, Jawidah Dakir, Abd. Latif Samain et al. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Siti Norayu et. al, (2014). Persepsi Pelajar terhadap Konsep Rukun Negara melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian Kes di Universiti Malaysia Perlis. *Jurnal of Human Development and Communication*. Vol 3.